

Polis lumpuhkan sindiket Joe Kedah, rampas pelbagai kenderaan mewah

Forex haram jerat pelabur RM21 juta

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

PETALING JAYA - Kegiatan haram seorang lelaki bergelar 'Joe Kedah' bersama sembilan koniko-konconya menipu orang ramai berjumlah hampir RM21 juta melalui pelaburan forex sejak 14 bulan lalu terbongkar apabila kesemuanya diberkas dalam empat serbuan Khamis lalu.

Kesemua anggota sindiket termasuk dalangnya, 'Joe Kedah', 42, diberkas di sekitar Kuala Lumpur, Cyberjaya, Shah Alam dan Kajang.

Joe Kedah diberkas bersama kekasihnya warga Indonesia di sebuah kondominium di Shah Alam, Selangor.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yaacob berkata, tangkapan dilakukan selepas polis menerima 72 laporan berkaitan penipuan pelaburan forex tersebut.

Katanya, laporan dibuat selepas kesemua mangsa mendapati platform pelaburan itu tidak boleh diakses.

Difahamkan, jumlah tertinggi melibatkan seorang mangsa yang telah ditipu sindiket berjumlah RM2 juta.

"Sindiket menjanjikan keuntungan lima hingga lapan peratus setiap bulan melalui satu platform yang dikenali sebagai Es-



ZAINUDDIN (dua dari kiri) menunjukkan sebahagian barangan yang dirampas daripada suspek pada sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.

senseFX menggunakan aplikasi Metatrade 4.

"Sindiket ini beroperasi sejak awal tahun lalu hingga Februari lepas dan sudah mengaut keuntungan hampir RM21 juta," katan-

ya pada sidang akhbar di Menara KPJ, Jalan Tun Razak Kuala Lumpur semalam.

Tambahnya, siasatan mendapati dalang utama sindiket berkenaan hidup serba mewah de-



AHLI sindiket bergambar bersama kereta mewah bagi meyakinkan orang ramai sebelum menipu mereka.

ngan hasil penipuan tersebut.

Menurut Zainuddin, selain menahan suspek, polis turut merampas 10 buah kereta mewah jenis Porsche Macan, Ford Mustang, Audi, Range Rover Evoque, dua Toyota Vellfire dan empat buah BMW.

"Turut dirampas 17 buah telefon bimbit, komputer riba (4), kad bank, pelbagai dokumen syarikat serta wang tunai

RM10,000," katanya.

Ujar Zainuddin, kesemua suspek berusia 24 hingga 42 tahun itu direman sehingga hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Tambah Zainuddin, orang awam yang menjadi mangsa sindiket pelaburan itu diminta tampil membuat laporan bagi membantu siasatan lanjut.